



Untuk Terbitan Media
4 Disember 2025

SIARAN MEDIA

10,000 JAWATAN KOSONG DENGAN GAJI CECAH RM13,000 TAWARAN TERBAIK KARNIVAL LINDUNG KERJAYA@PROGRAM RANCAKKAN MADANI

PUTRAJAYA: 10,000 peluang pekerjaan untuk diisi sempena Karnival LINDUNG Kerjaya@Program Rancakkan MADANI anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang akan berlangsung bermula 5 hingga 7 Disember ini di Pekarangan Dataran Putrajaya.

Menurut PERKESO, karnival berskala nasional ini menawarkan pelbagai jawatan merentasi industri utama, termasuk bidang berkemahiran tinggi dan teknikal seperti kejuruteraan, geologi, maritim, keselamatan dan kesihatan pekerjaan (HSE) dan lain-lain, dengan tawaran gaji mencecah sehingga RM13,000.

“Bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang, karnival ini menghimpunkan lebih 30 majikan terkemuka negara, antaranya FGV Holdings Berhad, SD Guthrie, Media Prima Berhad, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, Top Glove, Amanah Raya, Mandarin Oriental, Ranhill Technologies, *West Port*, *Port of Tanjung Pelepas* dan Columbia Asia, sekali gus menjadikannya antara platform padanan pekerjaan terbesar menjelang penutup tahun 2025.

“Antara jawatan yang ditawarkan termasuk Pengurus dengan gaji antara RM10,000 hingga RM12,999; Juruanalisis Sistem dengan gaji maksimum sehingga RM10,000 dan ke atas; Pegawai Perubatan dengan gaji RM10,000 hingga RM12,999; *Business Development Manager* dengan gaji maksimum RM12,999; serta *Senior Manager, Warehouse Department* dengan gaji RM8,000 hingga RM9,999,” kata PERKESO dalam kenyataan hari ini.

PERKESO turut memaklumkan bahawa senarai jawatan ditawarkan merangkumi peluang untuk graduan baharu, pencari kerja aktif, serta individu yang mahu meningkatkan kerjaya ke tahap lebih tinggi dalam sektor strategik negara.

“Bagi memastikan pencari kerja membuat persediaan terbaik, PERKESO turut menyediakan khidmat kaunseling kerjaya, semakan resume secara intensif, dan konsultasi bersama Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan yang berpengalaman.

“Orang ramai digalakkan membuat pra-pendaftaran di www.myfuturejobs.gov.my/careerfair bagi melancarkan proses di tapak karnival.

“Pencari kerja juga diingatkan hadir dengan resume terkini, berpenampilan profesional dan bersedia menghadapi sesi temu duga.

“Karnival ini merupakan peluang terbaik bagi mereka yang serius ingin mendapatkan pekerjaan berkualiti, membina rangkaian profesional dan memperoleh panduan langsung daripada pakar industri satu platform yang tidak wajar dilepaskan,” jelas PERKESO.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkuat peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingat dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkuat kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

4 Disember 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my